

PERATURAN PEMARKAHAN
PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM 2025
PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH
NEGERI PERLIS

BAHAGIAN A

NO. SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1	PANDANGAN	1M
2	RUKHSAH	1M
3	WALI	1M
4	40 SEBATAN	1M
5	KHAS	1M
6	/	1M
7	X	1M
8	/	1M
9	X	1M
10	X	1M
11	فَأَشْهَدُوا	1M
12	HARAM	1M
13	QAZAF	1M
14	MAHKAMAH SYARIAH	1M
15	EMPAT	1M
16	EMOSI	1M
17	SEBELUM SUBUH	1M
18	HUKUM-HUKUM SYARAK / MAQASID SYARIAH	1M
19	MAQASID SYARIAH / HUKUM-HUKUM SYARAK	1M
20	BA'I AL ISTISNA'	1M

BAHAGIAN B & C

NO. SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	Dua tuntutan hukum dalam ayat: - Allah mengharamkan umat Islam memakan bangkai, darah dan daging khinzir serta binatang yang disembelih bukan kerana Allah - Islam menitikberatkan hanya pemakanan daripada sumber yang halal diiktiraf dalam kehidupan - Harus memakan makanan daripada sumber yang haram dalam keadaan darurat tanpa melampaui batas	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Cara ulamak menistinbatkan hukum: - Lafaz كُلُوا - فعل الأمر yang menunjukkan perintah untuk memakan makanan yang baik - Setiap perintah adalah wajib - Wajib memilih makanan yang halal dan berkhasiat.	4 isi x 1m = 4m
	(b)		Dua cara mengenalpasti makanan yang halal menurut syarak. - Mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar tentang makanan yang halal seperti JAKIM dan pakar pemakanan. - Menyembelih binatang mengikut syariat yang betul serta menyebut nama Allah. - Sentiasa menjauhkan diri daripada makanan syubhah yang boleh memberi kesan mudharat kepada tubuh badan dan akal. - Memastikan makanan yang dibeli hendaklah mempunyai logo halal yang diiktiraf. - Memastikan kandungan makanan bersumberkan bahan yang suci dan bersih.	2 isi x 2m = 4m
	(c)		Dua pendapat mengapakah seseorang Muslim perlu menitikberatkan pemilihan makanan halal dalam kehidupan seharian dengan pembentukan sahsiah: - Makanan halal membantu membentuk akhlak mulia kerana ia bersih dan diberkati. - Mengelakkan diri daripada akhlak buruk kerana makanan haram memberi kesan kepada hati dan jiwa. - Meningkatkan ketaatan kepada Allah kerana mematuhi perintah-Nya dalam aspek pemakanan. - Menjadi insan yang lebih bertanggungjawab dalam memilih sumber makanan. (Mana-mana jawapan munasabah diterima)	2 isi x 2m = 4m



	(d)	Tiga cara bagaimanakah anda dapat menyebar luas budaya ubah gaya hidup lebih sihat dalam kalangan rakan anda: 1. Menjadi contoh yang baik Saya boleh memulakan gaya hidup sihat terlebih dahulu seperti bersenam dan makan makanan seimbang supaya rakan-rakan terdorong untuk mencontohi saya. 2. Mengajak rakan bersenam bersama Saya boleh merancang aktiviti riadah seperti berjoging, senamrobik atau berbasikal bersama rakan-rakan pada hujung minggu. 3. Membuat kempen kesedaran Saya boleh menjalankan kempen di sekolah seperti “Hari Tanpa Makanan Segera” atau pertandingan memasak makanan sihat bagi menarik minat rakan mengamalkan gaya hidup sihat. 4. Berkongsi maklumat kesihatan Saya boleh menggunakan media sosial atau aplikasi mesej untuk berkongsi artikel, video, atau poster berkaitan kesihatan dan pemakanan sihat dengan rakan-rakan. 5. Menggalakkan pemilihan makanan sihat di kantin sekolah Saya boleh mencadangkan kepada pihak sekolah supaya menyediakan lebih banyak pilihan makanan sihat dan menyedarkan rakan tentang kepentingan memilih makanan berkhasiat. (Mana-mana jawapan munasabah diterima)	3 isi x 2m = 6m
2	(a)	(i) Dua syarat harta wakaf : 1) Harta yang diwakafkan merupakan harta yang halal 2) Harta yang diwakafkan merupakan harta yang kekal menfaatnya. 3) Harta tersebut merupakan milik wakaf yang sah 4) Harta yang ditentukan dan jelas kewujudannya	2 isi x 1m = 2m
		(ii) Cara ulama mengistinbat hukum memberi dan menjawab salam ialah: - Lafaz : Berdasarkan lafaz " إن شئت حبست " - Huraian : yang membawa maksud Rasulullah mengizinkan umar untuk mewakaf tanah. - Kaedah : Galakan berwakaf bukan ditujukan kepada Saidna Umar RA tetapi bersifat umum untuk semua umat islam - Kesimpulan : Oleh itu, hukum berwakaf adalah sunat	4 isi x 1m = 4m

	(b)	Dua jenis wakaf : - Wakaf Am : Harta yang diwakafkan untuk kebajikan umum seperti mewakafkan tanah yang tidak ditentukan untuk sesuatu tujuan. - Wakaf Khas : Harta yang diwakafkan untuk kebajikan khusus seperti mewakafkan tanah untuk tujuan pembinaan masjid.	2 isi x 2m = 4m
	(c)	Dua kepentingan wakaf dalam menjana ekonomi umat islam: - Aktiviti-aktiviti pembangunan yang dijalankan ke atas harta wakaf boleh membuka peluang pekerjaan kepada umat islam. - Aktiviti-aktiviti pembangunan harta wakaf seperti pertanian, penternakan, pelaburan, perniagaan dan lain-lain boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi umat islam. - Hasil pendapatan harta boleh mengurangkan kadar kemiskinan umat islam kerana dapat membantu golongan yang memerlukan. (Mana-mana jawapan yang munasabah)	2 isi x 2m = 4m
	(d)	Langkah yang boleh diambil untuk menggalakkan perbuatan di atas : Isi : Kerajaan perlu menyediakan kemudahan untuk berwakaf Huraian : Supaya dapat memberi kemudahan kepada masyarakat untuk melaksanakan wakaf. Huraian Lengkap : Contohnya, dengan menyediakan platform wakaf secara mudah seperti online QR code, potongan gaji dan lain-lain. Huraian Lebih Lengkap : Kesannya, pengurusan harta akan lebih teratur dan mengelakkan pembaziran atau terbengkalainya aset wakaf. Kesimpulan : kita hendaklah mengambil peluang untuk menyumbang kepada pembangunan umat islam supaya ekonomi umat islam dapat ditingkatkan. Kesimpulan lengkap : supaya ekonomi umat islam dapat ditingkatkan. Isi Lain : 1) Memberi kesedaran melalui pendidikan & ceramah Agama \ kempen 2) Cukai pendapatan boleh dikurangkan jika berwakaf (Mana-mana jawapan yang munasabah)	6m
3	(a)	(i) Uqud Tabarruat ialah : Akad untuk memberikan harta atau manfaat kepada orang lain tanpa sebarang balasan dengan tujuan kebajikan semata-mata.	2 isi x 1m = 2m

		(ii) Kepentingan Uqud Tabarruat kepada umat Islam: - Menanam sikap tolong-menolong antara anggota Masyarakat kepada golongan yang memerlukan bantuan. - Membolehkan umat Islam meneroka bidang perniagaan, perkilangan, pertanian dengan lebih maju - Mengukuhkan hubungan kasih sayang antara umat Islam seperti Hibah. - Menyelesaikan masalah golongan yang berhutang untuk melunaskan hutangnya seperti akad al-Kafalah - Memudahkan golongan yang memerlukan untuk mendapatkan modal seperti akad ar-Rahnu	2m
	(b)	Dua jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman qisas: 1. Pembunuhan secara sengaja 2. Mencederakan dan memotong anggota badan orang lain dengan sengaja	2 isi x 1m= 2m
	(c)	Penyelesaian Wanita yang diceraikan dengan talak 3: - Tamat tempoh iddah dengan suami yang menceraikannya - Berkahwin dengan lelaki lain - Telah disetubuhi - Diceraikan oleh lelaki tersebut - Tamat tempoh iddah dengan suami baharu	4 isi x 1m= 4m
	(d)	Dua kaedah penulisan ilmu usul fiqh : - Kaedah al-Mutakallimun (al-Syafiyyah): Membina kaedah usul fiqh berasaskan dalil dan hujah daripada al-Quran, hadis dan dalil akal / tanpa terikat dengan hukum fiqh yang telah diputuskan oleh imam-imam mazhab. - Kaedah al-Fuqaha' (al-hanafiyyah): Membina kaedah usul fiqh berasaskan hukum yang telah diputuskan oleh imam mazhab.	2 isi x 2m= 4m
	(e)	(i) Maksud lafaz Am: - Lafaz yang merangkumi kesemua perkara yang sesuai bagi lafaz tersebut tanpa ada batasan.	2 isi x 1m= 2m
		(ii) Bentuk lafaz Am : - Lafaz كَافَّة - ألفاظ المجموع - Menunjukkan makna yang umum - Perangilah kaum musyrikin seluruhnya	2 isi x 2m= 4m
4	(a)	(i) Maksud hukum taklifi : - Khitab Allah yang menuntut untuk melakukan sesuatu atau meninggalkannya atau memilih untuk melakukan atau tidak.	2 isi x 1m= 2m
		(ii) Hukum taklifi: - Ijab - Karahah	2 isi x 1m= 2m

	(b)	Dua fungsi al-Sunnah disamping al-Quran: - Menguatkan hukum-hakam yang terkandung dalam al-Quran dengan mengulangi kewajipan tersebut dalam al-Sunnah seperti kewajipan solat dan zakat. - Memperincikan hukum yang dinyatakan secara umum dalam al-Quran seperti memperincikan cara-cara menunaikan solat. - Mengkhususkan hukum umum yang terkandung dalam al-Quran seperti mengkhususkan hukum pewarisan harta. - Menasakh dan membatalkan hukum yang terkandung dalam al-Quran seperti menasakhkan ayat wasiat kepada kaum kerabat dengan hukum pewarisan harta sebagai gentian. - Menyatakan hukum yang tidak dinyatakan dalam al-Quran seperti larangan memakai sutera dan emas bagi lelaki.	2 isi x 2m= 4m								
	(c)	Dua syarat orang yang melakukan niabah haji: - Telah mengerjakan haji untuk dirinya sendiri - Mendapatkan keizinzn untuk menjadi wakil mengerjakan haji bagi orang yang masih hidup - Berniat untuk melakukan haji untuk orang yang diwakilinya - Berniat ihram di Miqat orang yang diwakilinya atau Miqat yang lebih jauh - Seorang Sahaja untuk satu musim haji	2 isi x 2m= 4m								
	(d)	Dua Prinsip perundangan Islam: - Adil - tidak menzalimi golongan yang lemah - Tidak menyusahkan - tidak membebankan manusia - Menyeluruh - mencakupi seluruh aspek kehidupan - Sedikit tanggungjawab - syariat yang dipertanggungjawabkan tidak banyak - Beransur-ansur - diturunkan secara berperingkat-peringkat	2 isi x 2m= 4m								
	(e)	Dua Perbezaan tamadun Islam dengan tamadun barat: <table><tr><th>Tamadun Islam</th><th>Tamadun barat</th></tr><tr><td>Islam adalah asas tamadun</td><td>Agama adalah kebudayaan masyarakat</td></tr><tr><td>Kesepaduan dunia dan akhirat</td><td>Aspek dunia semata-mata</td></tr><tr><td>Kemajuan tidak bertentangan dengan syariat</td><td>Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata</td></tr></table>	Tamadun Islam	Tamadun barat	Islam adalah asas tamadun	Agama adalah kebudayaan masyarakat	Kesepaduan dunia dan akhirat	Aspek dunia semata-mata	Kemajuan tidak bertentangan dengan syariat	Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata	2 isi x 2m= 4m
Tamadun Islam	Tamadun barat										
Islam adalah asas tamadun	Agama adalah kebudayaan masyarakat										
Kesepaduan dunia dan akhirat	Aspek dunia semata-mata										
Kemajuan tidak bertentangan dengan syariat	Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata										
5	(a)	(i) Maksud hukum wadhie: - Khitab Allah yang menjadikan sesuatu itu sebagai sebab kepada sesuatu hukum atau syarat atau mani' (penghalang), sahih atau batil, azimah atau rukhsah bagi sesuatu hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf.	2 isi x 1m = 2m								

	(ii)	Hukum Wadhie: - Mani' - Rukhsah	2 isi x 1m = 2m
	(b)	Dua pembahagian al-Ijmak: - al-Ijmak al-Sorih: Semua ulama' mujtahidin menyatakan pandangan masing-masing dan semua pandangan mereka adalah sama. - al-Ijmak al-Sukuti: Sebahagian ulama' mujtahidin menyatakan pandangan mereka dalam suatu permasalahan dan sebahagian yang lain tidak membantah setelah mengetahuinya.	2 isi x 2m = 4m
	(c)	Dua hikmah hadhanah dalam Islam: - Menjamin kebajikan golongan yang lemah dan memerlukan / untuk mengurus diri. - Mengelakkan pengabaian terhadap anak-anak / setelah penceraian berlaku antara ibu bapa. - Menjaga hubungan silaturahim setelah penceraian / agar keluarga harmoni. - Menjamin anak-anak terdidik dengan didikan yang sempurna / dengan adanya hadhanah. - Setiap anak yang membesar mendapat pembelaan / kerana ada yang membantu mengurus mereka	2 isi x 2m = 4m
	(d)	Dua ciri-ciri undang-undang Islam ialah: - Manhaj ketuhanan (Rabbaniyah) - hukum syariat ciptaan Allah - Bersifat universal (alamiah) - semua hukum, sistem dan prinsipnya beridentitikan kemanusiaan dan universal - Menyeluruh (syumuliah) - mencakupi setiap aspek kehidupan - Sumber yang asli dan kekal - sabit dalam nas dan sumber-sumbernya tanpa penyelewengan dan perubahan - Menghilangkan kesulitan - tidak membebankan manusia - Mendatangkan kemaslahatan - banyak kebaikan dalam kehidupan	2 isi x 2m = 4m
	(e)	Dua Hujah menyokong kegemilangan Bani Umayyah dari segi keilmuan yang tinggi: - kemunculan tokoh-tokoh mazhab fiqh seperti Imam Abu Hanifah - Kemunculan ulamak terkenal seperti Imam az-Zuhri, Imam Auzaie - pengumpulan dan penulisan hadis dilakukan pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz bagi mengelakkan hadis palsu - Tulisan al-Quran dikemas kini dengan meletak tanda-tanda yang memudahkan bacaan seperti kasrah, fathah, dhommah - Perkembangan ilmu kalam yang meluas mendorong wujudnya pemikiran dan kelompok baru seperti Khawarij, Muktazilah	2 isi x 2m = 4m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT